

06/05/2004

SKM: Bank Pertanian dapat peruntukan tambahan RM300j

By Sariha Mohd Ali

BANK Pertanian Malaysia Bhd (Bank Pertanian) dijangka memperoleh peruntukan tambahan RM300 juta bagi Skim Kredit Mikro (SKM) tahun ini untuk diagihkan kepada usahawan kecil dalam sektor pertanian bagi meningkatkan kegiatan mereka.

Tahun lalu, Bank Pertanian mendapat peruntukan RM200 juta untuk SKM dan semua dana berkenaan berjaya diagihkan kepada lebih 17,000 peminjam di seluruh negara dalam tempoh dua bulan selepas skim itu dilancarkan pada Jun lalu.

Pengurus Besar Bank Pertanian, Datuk Rosli Abdul Aziz, berkata selaras dasar kerajaan, pihaknya kini memberi lebih tumpuan untuk membantu usahawan kecil yang memerlukan pinjaman, berbanding meluluskan pinjaman besar bernilai jutaan ringgit.

Beliau berkata, Bank Pertanian juga akan memperbanyakkan perkhidmatan kepada penduduk luar bandar, termasuk di kawasan Felcra dan Felcra, bagi membantu mereka membuat pembayaran bil setempat termasuk telefon, air, elektrik dan cukai taksiran.

"Sebagai agensi kerajaan, kita perlu mematuhi dasar kerajaan yang mesra rakyat dan Bank Pertanian kini memberi tumpuan membantu usahawan kecil mengembangkan perniagaan mereka termasuk dengan menawarkan pinjaman SKM.

"Dana SKM berjumlah RM200 juta yang diterima Bank Pertanian tahun lalu sudah habis diagihkan kepada usahawan kecil dengan kadar bayaran balik 85 peratus, manakala tambahan RM300 juta lagi dijangka diterima tahun ini.

"Selain itu, kita juga mahu menjadi bank pertama di Malaysia yang dapat membantu rakyat khususnya di kawasan luar bandar menjelaskan semua bil mereka," katanya selepas majlis menandatangani perjanjian persefahaman antara Bank Pertanian dengan Jabatan Bekalan Air (JBA) Pahang dan Majlis Perbandaran Kuantan (MPK), di Kuantan semalam.

Pada majlis itu, Rosli mewakili Bank Pertanian, manakala JBA diwakili Pengarahnya, Datuk Ismail Mat Noor manakala MPK oleh Pengarah Perbendaharaannya, Mohd Nor Afandi.

Majlis disaksikan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Beserah, Datuk Faisal Abdullah yang mewakili Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Di bawah Pakej Strategi Baru yang diumumkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, tahun lalu, kerajaan memperuntukkan RM1 bilion bagi melaksanakan SKM bertujuan memberi akses pinjaman lebih mudah kepada peniaga kecil.

Daripada jumlah itu RM500 juta disalurkan kepada Bank Pertanian bagi memberikan pinjaman kepada peniaga yang terbabit dalam perniagaan berkaitan pertanian, manakala RM300 juta kepada Bank Simpanan Nasional (BSN) bagi perniagaan bukan pertanian.

Sebanyak RM200 juta lagi disalurkan kepada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang akan diletakkan di bawah BPM.

Mengulas perjanjian yang dimeterai JBA dan MPK, Rosli berkata, pihaknya berharap kerjasama itu dapat membantu agensi berkenaan meningkatkan kutipan bayaran bil dan cukai taksiran.

"Kita menetapkan sasaran 1.6 juta penduduk Pahang menggunakan kemudahan yang disediakan menerusi 17 cawangan Bank Pertanian yang ada di negeri ini.

(END)